





Kisah Kejayaan (Okt - Dis 2015) PI KPG.HILIR MALUDAM

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI Nama PI	Pusat Internet Kg. Hilir Maludam
Location Lokasi	Kpg Maludam Pusa, Betong Sarawak
Name of person(s) Nama	SUHARNI BINTI SEMAN
Details of person (s) Butiran diri	UMUR: 30 TAHUN JANTINA: PEREMPUAN TAHAP PENDIDIKAN: SEKOLAH MENENGAH PEKERJAAN: PENIAGA / USAHAWAN
Success story Kisah kejayaan	<p><i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i></p> <p><i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda.</i></p> <p style="text-align: center;">❖ <i>Internet adalah satu keperluan. Internet memudahkan urusan seharian dan menjadikan manusia lebih kreatif dan bersemangat dalam mencapai atau membuat sesuatu. Saya amat bersetuju dengan pepatah “dunia diujung jari” kerana setiap maklumat yang diinginkan akan dapat diperolehi dengan adanya internet. Terutama untuk golongan peniaga seperti saya. Internet memperluaskan lagi rangkaian jualan saya, mempelbagaikan lagi jenis produk yang ada dan dengan adanya internet juga mampu memudahkan saya untuk mempromosi produk jualan saya.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>How did your life improved after learning how to use the internet</i></p> <p><i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>❖ <i>Pengurusan masa yang lebih efektif. Hal ini kerana saya kini dapat membahagikan masa dengan lebih baik dan mencipta jadual kerja yang lebih efektif. Dengan adanya bantuan internet, menerusi blog-blog peniaga yang saya baca, saya kini mampu menyusun atur kerja mengikut kesesuaian masa. Sebagai contoh, sebelah malam saya akan senaraikan kuih jualan yang hendak dibuat keesokan hari dan menyediakan bahan-bahannya. Sebelum tidur pula, saya mengira kewangan keluar dan masuk. Ianya amat berkesan dan memudahkan saya. Saya mempelajari dekorasi kek melalui youtube. Pelbagai resepi biskut dan kuih yang saya perolehi dari internet dan hasilnya sekarang ianya menjadi sebahagian daripada pendapatan bulanan saya. Saya juga banyak menerima tempahan daripada pihak sekolah dan masyarakat sekitar dengan adanya promosi di laman Facebook dan Wechat.</i></p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i> <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p data-bbox="803 296 1224 331"><i>Tempahan kek dari pelanggan</i></p> <div data-bbox="678 380 1349 646"></div> <div data-bbox="630 772 1357 1073"></div> <p data-bbox="954 1157 1070 1192">BISKUT</p> <div data-bbox="634 1234 1349 1486"></div> <div data-bbox="634 1514 1325 1776"></div>

**ITEM
JENIS****INFORMATION
MAKLUMAT**


Cik Suharni bergambar di kedai runcit miliknya yang semakin berkembang.

Antara jualan lain Cik Suharni



ITEM
JENISINFORMATION
MAKLUMAT

Cik Suharni salah seorang daripada Skuad PI dan sangat aktif dalam setiap aktiviti yang diadakan

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p data-bbox="654 611 1373 678"><i>Sentiasa menghadiri setiap bengkel, kursus dan latihan yang dijalankan</i></p>
<p data-bbox="220 947 521 1045">Photo caption names Keterangan gambar berserta nama</p>	<p data-bbox="963 1014 1062 1045">-Tiada-</p>
<p data-bbox="220 1087 407 1146">Feedback Maklumbalas</p>	<p data-bbox="621 1087 1247 1119">1. What was your first impression towards PI?</p> <p data-bbox="667 1142 1300 1173"><i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI?</i></p> <p data-bbox="670 1194 1403 1556">❖ <i>Hanya sebuah pusat yang menawarkan perkhidmatan internet. Setelah berdaftar sebagai ahli, barulah saya menyedari bahawa banyak kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan disini. Satu tempat untuk pelbagai urusan dimana amat memudahkan dan menjimatkan masa.PI boleh dikatakan sebuah pusat serbaguna.</i></p> <p data-bbox="621 1692 1398 1724">2. What attracted you to come and use the facilities in PI?</p> <p data-bbox="667 1747 1403 1833"><i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI?</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>❖ <i>Kelas ICT dan Latihan Keusahawanan. Setelah belajar ICT dan mengikuti Latihan Keusahawanan, ianya banyak membantu perkembangan perniagaan saya. Saya juga amat teruja kerana sudah mahir menggunakan komputer. Internet banyak mempengaruhi kehidupan seharian.</i></p> <p>3. How can PI help others to be successful? Bagaimanakah cara PI dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</p> <p>❖ <i>Dengan adanya Kelas Ict dan Latihan Keusahawanan yang diberikan, PI menyumbang kepada peningkatan tahap celik IT masyarakat kampung sekaligus meningkatkan sosioekonomi di Maludam. Terutama bagi peniaga seperti kami yang kini lebih kreatif dan berdaya cipta dengan mempelbagaikan produk jualan berpandukan apa yang kami pelajari di internet.</i></p> <p>4. Can you suggest improvement to be made to PI? (facilities, training activities, promotions, etc) Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</p> <p>Dari segi kemudahan:</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>❖ <i>Diharap PI dapat menyediakan kemudahan seperti bilik operasi khas yang dilengkapi pelbagai kemudahan bagi memudahkan kami mengadakan demonstrasi keusahawanan semasa bengkel keusahawanan dijalankan.</i></p> <p>▪ Aktiviti latihan/kursus/promosi DLL: Cadangan: <i>Mempelbagaikan latihan dan kursus di PI seperti Kursus Penanaman, Penternakan dan lain-lain kerana ianya akan mampu menarik lebih banyak masyarakat kampung ke PI terutama golongan warga emas dan kaum lelaki.</i></p>

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
 BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) &
 GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE
 JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**